

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan usaha pembangunan *Smart Grid* dan *Smart Meter* serta kesannya terhadap tarif. Apakah langkah yang akan diambil bagi membendung kesan negatif terhadap tarif, jika ada.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penggunaan *Smart Meter*, dengan izin, yang akan menjurus kepada pembangunan *Smart Grid* adalah bertujuan untuk memodenisasikan sistem pembekalan elektrik negara demi memberi manfaat kepada pengguna dan industri bekalan elektrik. *Smart Meter* atau meter pintar dan grid pintar dapat meningkatkan keberkesanan, kecekapan, dayaharap dan kelestarian penjanaan dan pembekalan elektrik melalui penggunaan teknologi maklumat secara teratur dan automatik (*automated*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Pembangunan dan pelaksanaan teknologi ini tidak memberi kesan negatif kepada tarif elektrik, malah teknologi ini memberi peluang kepada rakyat untuk mengurus penggunaan elektrik mereka dengan lebih berkesan dan cekap. Pada masa ini, usaha pembangunan *Smart Meter* masih lagi di peringkat projek perintis, bagi mengkaji kesesuaian teknologi, kemampuan dan penerimaan pengguna. Projek perintis yang

melibatkan pemasangan sebanyak 1000 meter pintar iaitu di Melaka dan Putrajaya adalah dibiayai sepenuhnya oleh Tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dan dilaksanakan oleh TNB. Hasil daripada projek perintis ini akan membolehkan pihak Kerajaan mengenalpasti kekangan dan kelemahan teknologi serta pelaksanaan sebelum pemasangan meter pintar dan pembangunan grid pintar diperluaskan ke seluruh Negara.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : 46**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terkini menentukan penjenayah sebenar yang menjatuhkan pesawat MH17 di Ukraine.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan jenayah sedang dikendalikan oleh negara masing-masing seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Netherlands serta *Joint Investigation Team (JIT)* yang diterajui oleh Netherlands dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Australia dan Belgium.

Berdasarkan siasatan yang dilakukan mengikut International Civil Aviation Organization (ICAO) Annex 13 yang telah dibentangkan semasa mesyuarat pada 17 hingga 20 Februari 2015, di Glize-Rijen, Netherlands yang dihadiri oleh satu delegasi seramai lima (5) orang dari Malaysia (1 MOT, 2 DCA, 2 MAS) selaku Accredited Representative (AR). Pihak *Dutch Safety Board*, selaku Ketua Penyiasat, telah memaklumkan bahawa MH17 telah jatuh kerana terkena serpihan tembakan dari *Missile* dan bukan kerana kerosakan mekanikal atau *structural*.

Walau bagaimanapun, siasatan masih lagi dijalankan untuk mencari punca sebenar kemalangan pesawat malang ini dan menentukan penjenayah sebenar.